

Shaiful Azmi bin Sabri lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH
NO K-09(H)-44-01 OF 2019
YAACOB MD SAM, RHODZARIAH BUJANG DAN HANIPAH
FARIKULLAH HHMR
13 OGOS 2020

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan kesalahan di bawah s 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 6B(3) Akta yang sama — Perayu mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan enam sebatan rotan — Sama ada sabitan terhadap perayu selamat dan sah di sisi undang-undang — Sama ada terdapat kecacatan semasa prosiding pengakuan bersalah perayu di hadapan hakim mahkamah sesyen — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6B(1)(a) & 6B(3)

Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan pesuruhjaya kehakiman yang mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen ('hakim sesyen') terhadap perayu bagi kesalahan menanam tumbuhan jenis *cannabis*, iaitu satu kesalahan di bawah s 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s 6B(3) Akta yang sama. Perayu telah membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan. Perayu tidak diwakili oleh peguam disepanjang prosiding di mahkamah sesyen. Atas pengakuan bersalah tersebut, hakim sesyen telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman mandatori penjara seumur hidup serta enam sebatan rotan. Perayu telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi tetapi rayuan ditolak. Oleh itu, rayuan ini. Hujahan perayu adalah perayu tidak faham terhadap sifat dan akibat pengakuan bersalah yang dibuatnya. Timbalan pendakwa raya terpelajar sebaliknya menghujahkan bahawa semua tatacara dalam menerima pengakuan bersalah perayu telah dipatuhi oleh hakim sesyen. Isu-isu untuk pertimbangan adalah: (a) sama ada sabitan terhadap perayu selamat dan sah di sisi undang-undang; dan (b) sama ada terdapat kecacatan semasa prosiding pengakuan bersalah perayu di hadapan hakim sesyen.

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengetepikan perintah Mahkamah Tinggi dan memerintahkan kes dikembalikan kepada mahkamah sesyen untuk dibicarakan semula:

- (1) Hakim sesyen walau pun ada menyatakan kepada perayu bahawa di bawah seksyen kesalahan tersebut perayu boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup tetapi tidak menerangkan kepada perayu maksud

- A penjara seumur hidup tersebut di bawah undang-undang adalah untuk tempoh penjara 30 tahun. Hakim sesyen yang menerangkan kepada perayu tentang hukuman di bawah s 6B(1)(a) Akta adalah tidak betul dirujuk oleh hakim sesyen. Selain itu, fakta kes tidak menzahirkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu jika dibandingkan dengan
- B pertuduhan. Tiada terdapat nyataan dalam fakta kes bahawa perayu yang telah menanam tiga pokok *cannabis* tersebut. Pertuduhan juga tidak menyebutkan berat pokok atau berat tumbuhan *cannabis*. Juga terdapat keraguan sama ada laporan kimia ('P7') telah dibuat serahan ke atas perayu seperti mana kehendak s 399(1) Kanun Tatacara Jenayah untuk layak P7 tersebut diterima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan terhadap perayu. Hakim sesyen tidak benar-benar memastikan perayu faham pertuduhan yang dihadapinya, dan kebenaran fakta kes yang dibentangkan yang menzahirkan kesalahan yang dilakukan serta bentuk hukuman yang akan dikenakan
- D terhadapnya jika pengakuan bersalahnya diterima oleh mahkamah. Terdapat keraguan sama ada perayu benar-benar faham atas sifat dan akibat pengakuan salah yang diberikannya. Banyak perkara-perkara yang cacat dalam penerimaan pengakuan bersalah perayu oleh hakim sesyen. Maka yang demikian, pengakuan bersalah oleh perayu tidak boleh disifatkan sebagai telah diberikan tanpa apa-apa syarat (*unequivocal*). Hakim sesyen dalam menerima pengakuan bersalah perayu telah gagal mematuhi 'strict requirements' s 173 Kanun Tatacara Jenayah yang menyebabkan berlakunya satu ketidakadilan (*occasioning a miscarriage of justice*). Di atas kecacatan yang terdapat terhadap penerimaan pengakuan bersalah perayu, sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat (lihat perenggan 27 & 30).

[English summary

- G This was an appeal by the appellant against the decision of the judicial commissioner in maintaining the sentence imposed by the sessions court judge ('sessions judge') against the appellant for the offense of planting cannabis, which was an offense under s 6B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') punishable under s 6B(3) of the same Act. The appellant had pleaded guilty to the charge. The appellant was not represented by a lawyer during the proceedings in the sessions court. Upon the guilty plea, the sessions judge convicted the appellant and sentenced him to life imprisonment and six strokes of whipping. The appellant had filed an appeal to the High Court but the appeal was dismissed. Hence, this appeal. The appellant's argument was that the appellant did not understand the nature and consequences of the guilty plea he made. The learned deputy public prosecutor instead argued that all the procedures in allowing the appellant's guilty plea were complied with by the sessions judge. The issues for consideration were: (a) whether the conviction of the appellant was safe and legally valid; and (b) whether there was a defect during the appellant's guilty plea proceedings before the sessions judge.

Held, allowing the appeal, setting aside the order of the High Court and ordering the case remitted to the sessions court for retrial: **A**

- (1) Although the sessions judge did state to the appellant that under the offense section the appellant could be sentenced to life imprisonment but did not explain to the appellant the meaning of the life imprisonment under the law was for a term of imprisonment of 30 years. The sessions judge who explained to the appellant about the sentence under s 6B(1)(a) of the Act was incorrectly referred to by the sessions judge. Moreover, the facts of the case did not disclose the offense committed by the appellant when compared to the charge. There was no statement in the facts of the case that the appellant had planted the three cannabis trees. The charge also did not mention the weight of the tree or the weight of the cannabis plant. There was also doubt as to whether the chemical report ('P7') had been served on the appellant as per s 399(1) of the Criminal Procedure Code to qualify P7 as part of the evidence against the appellant. The sessions judge did not really ensure that the appellant understood the charges he was facing, and the truth of the facts of the case presented which revealed the offense committed as well as the form of punishment to be imposed on him if his plea was accepted by the court. There was doubt as to whether the appellant really understood the nature and consequences of the guilty plea he gave. Many things were defected in the appellant's acceptance of the guilty plea by the sessions judge. Therefore, the guilty plea by the appellant could not be deemed to have been given unequivocally. The sessions judge in accepting the appellant's guilty plea had failed to comply with the 'strict requirements' of s 173 of the Criminal Procedure Code which occasioned a miscarriage of justice. On the basis of the defect in the acceptance of the appellant's guilty plea, the conviction of the appellant was unsafe (see paras 27 & 30).] **B**
C
D
E
F

Kes-kes yang dirujuk **G**

- Ganesun slo Kannan v PP* [1996] 3 SLR 560, MT (diikut)
Hajar bt Ishak v Pendakwa Raya [2010] 1 AMR 3510 (diikut)
Kamalrudin bin Drahman v Pendakwa Raya [2002] MLJU 179, MT (dirujuk)
Low Hiong Boon (f) v PP [1948–1949] supp MLJ 135 (diikut)
Ooi Lean Chai v PP [1991] 2 MLJ 552, MA (diikut) **H**
PP v Leng Chow Teng [1985] 1 MLJ 229, MP (diikut)
Pushpanathan all Kandasamy v PP [2019] MLJU 379, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

- Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6(3), 6B(1)(a), (3), 15(1)(a), 38B, 39A(2), 39B(2), 39C(1) **I**
Akta Keadilan Jenayah 1953 s 3
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60
Kanun Tatacara Jenayah ss 173, 289(c), 294, 299, 305, 304A, 399(1)

A **Rayuan daripada:** Rayuan Jenayah No 42S-23-06 Tahun 2016 (Mahkamah Tinggi, Alor Setar)

*Fong Fook Chuen (Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan) bagi pihak perayu.
Gan Chee Keong (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

B

Yaacob Md Sam HMR:

PENDAHULUAN

C

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman bertarikh 3 Oktober 2017 yang mengekalkan hukuman penjara seumur hidup dan enam sebatan rotan yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen ('hakim sesyen') terhadap perayu bagi kesalahan menanam tumbuhan jenis cannabis, iaitu satu kesalahan di bawah s 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) yang boleh dihukum di bawah s 6B(3) Akta yang sama.

D

E

[2] Di mahkamah sesyen, perayu menghadapi pertuduhan seperti berikut:

Bahawa kamu pada 28 Januari 2015, jam 2.30 petang di belakang rumah beralamat No. 86E Kampung Sungai Para, dalam Daerah Kuala Muda, dalam negeri Kedah bagi pihak kamu telah menanam tumbuhan jenis Cannabis, dari mana Cannabis boleh diperolehi secara langsung, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 6B(3) Akta yang sama.

F

G

[3] Perayu telah membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan. Perayu tidak diwakili oleh peguam disepanjang prosiding di mahkamah sesyen. Atas pengakuan bersalah tersebut, hakim sesyen telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman mandatori penjara seumur hidup serta enam sebatan rotan.

H

[4] Perayu yang terkilan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim sesyen telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, di Alor Setar atas sabitan dan hukuman. YA pesuruhjaya kehakiman telah menolak rayuan perayu dan mengesahkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim sesyen.

I

[5] Melalui notis rayuan bertarikh 11 Oktober 2017, perayu merayu kepada mahkamah ini terhadap keputusan YA pesuruhjaya kehakiman. Rayuan perayu adalah terhadap 'kesalahan dan hukuman dan memohon agar hukuman dan sebatan rotan dapat dikurangkan'. Di hadapan kami, perayu

diwakili oleh peguam Encik FC Fong daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Timbalan pendakwa raya, Gan Chee Keong mewakili pihak responden.

A

[6] Kami telah mendengar rayuan perayu pada 5 Mac 2020 dan menangguhkan keputusan kepada 29 April 2020 untuk membolehkan kami membuat tontonan ke atas rakaman CRT mahkamah sesyen yang merakamkan prosiding pengakuan bersalah perayu pada tarikh 12 Jun 2016. Bagaimana pun tarikh keputusan pada 29 April 2020 ditangguhkan kepada 1 Julai 2020 memandangkan terdapatnya perintah kawalan pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia akibat daripada pandemik virus covid19, yang menghadkan pergerakan orang awam dan sekatan perjalanan rentas daerah/negeri.

B

C

RAYUAN PERAYU

D

[7] Terdapat satu isu sahaja yang diketengahkan oleh peguamcara perayu untuk rayuan ini. Isu tersebut adalah samada sabitan terhadap perayu selamat dan sah di sisi undang-undang memandangkan terdapatnya beberapa kecacatan semasa prosiding pengakuan bersalah perayu di hadapan hakim sesyen.

E

[8] Peguamcara terpelajar menghujahkan bahawa sabitan dan hukuman terhadap perayu wajar diketepikan disebabkan semasa membuat pengakuan bersalah, perayu tidak faham terhadap sifat dan akibat pengakuan bersalah yang dibuatnya. Peguamcara menghujahkan hakim sesyen sewajarnya benar-benar memastikan bahawa perayu yang tidak diwakili oleh peguam tahu dan faham dengan jelas akibat pengakuan salah yang hendak dibuat terhadap pertuduhan, bahawa satu-satunya hukuman yang diperuntukkan di bawah s 6B(3) ADB adalah hukuman mandatori penjara seumur hidup yang bermaksud 30 tahun penjara seperti yang diperuntukkan di bawah s 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 dan sebatan rotan mandatori tidak kurang daripada enam sebatan. Peguamcara menghujahkan bahawa berdasarkan kepada catatan dalam nota keterangan bertarikh 12 Jun 2016 (rekod rayuan Jld 3), tidak terdapat apa-apa catatan oleh hakim sesyen yang dapat melihat bahawa hakim sesyen telah menerangkan dengan jelas kepada perayu tentang sifat dan akibat pengakuan bersalah dan bentuk hukuman atas kesalahan sebelum pengakuan bersalah perayu boleh diterima tanpa apa-apa syarat. Peguamcara berhujah bahawa perayu yang tidak diwakili oleh peguam sewajarnya diterangkan dengan jelas bahawa hukuman seumur hidup yang dimaksudkan oleh s 6B(3) ADB adalah penjara selama tempoh 30 tahun dan hakim sesyen perlu memastikan jika perayu masih ingin mengekalkan pengakuan salahnya setelah perayu benar-benar faham tempoh penjaran yang akan dikenakan serta jumlah sebatan rotan menurut undang-undang di bawah pertuduhan

F

G

H

I

- A tersebut. Peguamcara selanjutnya menghujahkan bahawa peruntukan s 6B(3) ADB tidak membezakan hukuman jika mengaku bersalah atau hukuman setelah perbicaraan penuh, kerana satu-satunya hukuman penjara yang diperuntukkan adalah penjara seumur hidup. Maka yang demikian tiada terdapat perbezaan hukuman jika perayu mengaku salah dan jika perayu
- B didapati bersalah setelah bicara penuh. Dengan kata lain walau apa pun mitigasi perayu terhadap bentuk hukuman yang akan dikenakan, ianya tidak akan mengubah apa-apa kerana hakim sesyen terikat dengan hukuman yang diperuntukkan oleh s 6B(3) ADB. Peguamcara selanjutnya menghujahkan
- C berdasarkan kepada catatan dalam nota keterangan (ms 7 rekod rayuan Jld 3) jelas melihatkan perayu setelah disabitkan atas pertuduhan telah mengemukakan rayuan mitigasi terhadap hukuman. Hal ini melihatkan
- D minda perayu bahawa dia hanya memahami hukuman yang akan dijatuhkan adalah hukuman penjara seumur hidup tanpa mengetahui maksud seumur hidup itu adalah untuk tempoh penjara selama 30 tahun. Hukuman tersebut
- E jelasnya lebih serius daripada kes-kes kesalahan pemilikan dadah berbahaya yang boleh membawa kepada pemakaian s 39A(2) ADB, apabila dibandingkan dengan kes perayu yang mana pertuduhan terhadap perayu tidak ada menyebutkan berat *cannabis* terlibat. Maka itu, peguamcara menghujahkan
- bahawa hakim sesyen telah gagal memastikan bahawa perayu benar-benar faham terhadap sifat dan akibat pengakuan bersalah yang dimasukinya. Peguamcara merujuk kepada kes *Hajar bt Ishak v Pendakwa Raya* [2010] 1 AMR 3510 untuk menyokong hujahannya.
- F [9] Timbalan pendakwa raya (TPR) terpelajar sebaliknya menghujahkan bahawa semua tatacara dalam menerima pengakuan bersalah perayu telah dipatuhi oleh hakim sesyen dan rayuan perayu oleh itu tidak mempunyai merit. TPR merujuk kepada ms 6 Rekod Rayuan Jld 3 yang terdapat catatan hakim sesyen: 'Pertuduhan dibacakan dan diterangkan dalam Bahasa Melayu.
- G OKT faham pertuduhan. OKT mengaku salah dan faham sifat dan akibat pengakuannya. Hukuman di bawah Sek 6B(1)(a) ADB 1952 diterangkan. OKT faham akan kesan dan akibat pengakuan salah'. Berdasarkan kepada catatan tersebut, TPR menghujahkan bahawa sabitan dan hukuman terhadap perayu oleh hakim sesyen adalah teratur dan sabitan adalah selamat.
- H [10] Kami membuat penelitian terhadap nota keterangan bertarikh 12 Jun 2016 tersebut. Sebelumnya, pada prosiding bertarikh 5 Februari 2015, 12 Mei 2015, 13 Julai 2015, 14 September 2015, 21 Oktober 2015 dan 25 November 2015, perayu tidak mengaku salah terhadap pertuduhan dan minta
- I dibicarakan (ms 1–5 rekod rayuan Jld 3).
- [11] Pada permulaan prosiding bertarikh 12 Jun 2016 (pagi hari), apabila kes perayu dipanggil dan pertuduhan dibacakan, perayu masih kekal minta dibicarakan. hakim sesyen menangguhkan prosiding sebentar. Pada jam 10.30

pagi, mahkamah bersidang semula dan kes perayu dipanggil semula, pertuduhan dibacakan dan perayu mengaku bersalah. Hakim sesyen menengguhkan prosiding sebentar. Selepas itu mahkamah bersidang semula sekali lagi dan pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada perayu. Perayu mengaku bersalah. Perayu telah disabitkan dan dihukum. Kami akan membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut nanti.

[12] Berdasarkan kepada latar belakang prosiding kes perayu yang kami nyatakan di atas, kami dapati adalah berfaedah untuk kami membuat semakan terhadap perkara sebenar yang mengambil tempat pada 12 Jun 2016, iaitu dengan mendapatkan rakaman penuh CRT prosiding dalam mana perayu menukar pengakuan kepada pengakuan bersalah dan dijatuhkan hukuman.

[13] Lanjutan daripada arahan oleh mahkamah ini pada prosiding bertarikh 5 Mac 2020, kami telah dibekalkan dengan rakaman CRT prosiding bertarikh 12 Jun 2016 oleh mahkamah sesyen Sungai Pertani, Kedah. Di atas arahan saya selaku pengerusi panel persidangan, salinan rakaman CRT yang sama telah diedarkan kepada peguamcara dan TPR bagi ditenten. Rakaman CRT tersebut adalah terang dan boleh didengar dengan jelas.

KEPUTUSAN KAMI

[14] Perayu menfailkan rayuannya kepada mahkamah ini melalui Borang 6 bertarikh 11 Oktober 2017. Borang notis rayuan tersebut difailkan melalui pihak Penjara Pokok Sena, Kedah di mana perayu ditahan untuk menjalani hukuman kes ini. Di dalam notis rayuan tersebut, perayu bukan sahaja merayu terhadap hukuman tetapi juga terhadap sabitan. Pada tarikh yang sama, perayu juga menfailkan petisyen rayuan perayu yang juga menyebutkan bahawa perayu merayu terhadap kesalahan dan hukuman perayu.

[15] Seksyen 305 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) mengatakan:

305 Apabila akuan salah menghadkan hak rayuan

Apabila seseorang mengaku salah dan telah disabitkan oleh seseorang Majistret terhadap akuan itu, maka tidak boleh dibuat sebarang rayuan kecuali berkenaan dengan berat atau sahnya hukuman itu.

[16] Jelasnya untuk kes di mana perayu telah disabitkan dengan kesalahan setelah mengaku bersalah, maka rayuan terhadap sabitan tidak boleh dilakukan. Rayuan hanya dihadkan kepada berat hukuman atau terhadap keesahan hukuman yang dikenakan.

[17] Dalam kes *Low Hiong Boon (f) v Public Prosecutor* [1948–1949] supp MLJ 135, perayu seorang jururawat yang bertugas ketika kejadian, dituduh di

A bawah kesalahan s 304A atas kecuaiian jenayah kerana membiarkan ibu kanak-kanak memberikan ubat *oleum chinnapodium* secara yang berlebihan (*overdose*) ke atas kanak-kanak yang berumur sepuluh bulan yang menyebabkan kanak-kanak tersebut meninggal dunia. Perayu mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan dihukum lima bulan penjara. Perayu membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman. Timbalan pendakwa raya menghujahkan bahawa oleh kerana perayu telah mengaku salah dan disabitkan atas akuan salahnya, maka rayuan perayu tidak boleh dibuat terhadap sabitan seperti yang diperuntukkan di bawah s 305 Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah Tinggi setelah menimbang hujahan pihak-pihak

B berkaitan teknikal pertuduhan kecuaiian jenayah telah membenarkan rayuan perayu dan kes perayu diperintahkan supaya dibicarakan semula. Spencer Wilkinson J di ms 135 mengatakan seperti berikut:

C

D The appellant appealed both against conviction and sentence. At the hearing before me the Deputy Public Prosecutor pointed out that as she had pleaded guilty the appeal could only be against the sentence and he cited section 305 of the Criminal Procedure Code. This provision, however, does not, in my view, preclude an Appellate Court from considering the question whether the plea of guilt was one which properly be accepted in the circumstances; and for the reasons which I will now proceed to set out, I was of the opinion that this was not a case in which the plea should have been accepted. I, therefore, had no alternative, but to quash the conviction and sentence to order that the appellant be re-tried before another President of a Sessions Court.

E

F [18] Berpandukan kepada dicta yang dinyatakan dalam kes *Low Hiong Boon v Public Prosecutor*, kami meneliti nota keterangan kes perayu yang terdapat dalam rekod rayuan Jld 2. Kami juga meneliti fakta kes yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan bertanda 'P1' yang terdapat di ms 4 rekod rayuan Jld 2.

G [19] Berdasarkan kepada nota keterangan yang terdapat, perayu dituduh di hadapan hakim sesyen pada 5 Februari 2015. Pertuduhan dibacakan dan perayu minta dibicarakan. Catatan nota keterangan juga menunjukkan kes pengadu dipanggil lagi pada 12 Mei 2015, 13 Julai 2015, 14 September 2015, 21 Oktober 2015, 25 November 2015, 17 Disember 2015 dan 22 Mei 2016.

H Pada setiap tarikh tersebut pertuduhan dibacakan kepada perayu, dia minta dibicarakan. Perayu tidak diwakili oleh peguam. Kes perayu ditetapkan untuk bicara pada 12 Jun 2016 dan 13 Jun 2016.

I [20] Pada 13 Jun 2016, kes perayu dipanggil. Adalah berfaedah kami membutirkan catatan hakim sesyen bagi prosiding pada tarikh 12 Jun 2016 tersebut untuk memahami situasi yang terdapat, seperti berikut:

12/6/2016
OKT hadir.

- OKT : Pertuduhan Baca Terang dan Faham/Minta Bicara. **A**
Mahkamah: Tangguh sebentar.
Recall: 10.30 pagi.
TPR : Pohon pertuduhan dibaca semula.
- Pertuduhan dibaca, diterangkan dalam Bahasa Melayu dan OKT faham dan **B**
megaku salah. Tertuduh faham sifat dan akibat pengakuan salah.
Mahkamah: Tangguh sebentar. OKT hadir.
Pertuduhan dibacakan dan diterangkan dalam Bahasa Melayu.
- OKT faham pertuduhan, OKT mengaku salah dan faham sifat dan akibat **C**
pengakuannya.
Hukuman dibawah Sek 6B(1)(a) ADB 1952 diterangkan.
OKT faham akan kesan dan akibat pengakuan salah.
- P1 — Fakta kes dibacakan dan diterangkan dalam Bahasa Melayu. **D**
Fakta Kes difahami dan diakui benar oleh OKT.
P2 — Bedong Repot.
P3 — Sungai Petani Repot 3276/15.
P4 — Borang Bongkar. **E**
P5 — Borang serah barang kes.
P6 — Resit serah barang kes.
P7 — Laporan Jabatan Kimia.
- P8 A-D — 4 Keping Gambar. Dirujuk dan dicamkan oleh OKT. **F**
P9 A-E — 5 Keping Gambar Barang Kes.
P10 — Plastik Jabatan Kimia Bertanda H1.
P11 — Satu pasu bunga bertanda H1.
P12 — Plastik Jabatan Kimia Bertanda H2. **G**
P13 — Satu pasu bunga bertanda H2.
P14 — Plastik Jabatan Kimia bertanda H3.
P15 — Satu bekas plastic tanda H3.
- Barang kes dirujuk dan dicamkan oleh OKT. **H**
Mahkamah: Pengakuan salah OKT diterima dan direkodkan. OKT didapati
bersalah seperti pertuduhan di bawah seksyen 6B(1)(a) ABD 1952.
Rayuan OKT:
- Pohon hukuman dan tarikh tangkap. **I**
 - Belum berkahwin.
 - Kesalahan pertama.
 - Saya membantu keluarga.
 - Saya nelayan dengan pendapatan tidak tentu.

- A** - Telah insaf dan janji tidak akan ulangi kesalahan.
Hujahan TPR:
Pohon hukuman seperti dalam peruntukan undang-undang.
Mahkamah:
- B** OKT didapati salah dan disabitkan seperti pertuduhan di bawah Sek 6B(1)(a) ADB 1952. OKT dikenakan hukuman penjara seumur hidup dari tarikh tangkap dan dikenakan 6 rotan.
- Semua eksibit kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya.
- C** t.t. (Hakim Sesyen).

[21] Fakta kes pendakwaan (P1) yang dibentangkan adalah seperti berikut (ms 4 rekod rayuan Jld 4):

- D** Bertindak di atas maklumat dadah yang diterima pada 28/01/2015 jam lebih kurang 1430 hrs, pengadu mengetuai sepasukan anggota polis dari BSJND Kuala Muda Kedah terdiri daripada D/Sjn 92566, D/Kpl98333, 98802, 103339, 121583, 140641, 149161 dan L/Kpi/S 9495 telah sampai dihadapan sebuah rumah No 85E Kampung Sungkap Para 08100 Bedong Kedah. Semasa kami sampai didapati pintu rumah terbuka dan kehadiran kami tidak disedari oleh penghuni rumah, kemudian pengadu dan anggota terus masuk ke dalam rumah dan didapati ada satu lelaki melayu sedang duduk di atas lantai ruang tamu rumah tersebut sambil menonton televisyen. Pengadu memperkenalkan diri kepada lelaki Melayu tersebut sebagai pegawai kanan polis dengan menunjukkan kad kuasa polis dan telah membacakan kata-kata amaran di bawah seksyen 37B(1)(B) ADB 1952 dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami dan terus buat pemeriksaan tubuh badan lelaki tersebut tetapi tiada apa-apa barang yang menyalahi undang-undang. Seterusnya pengadu soal suspek dengan bertanya — Adakah kamu ada menyimpan apa-apa barang salah yang menyalahi undang-undang. Suspek terus membawa kami ke belakang rumah tersebut dan menunjukkan kepada kami tiga batang pokok ganja yang ditanam di dalam (1) pasu, (1) bekas plastic warn a putih dan (1)
- E**
- F**
- G** bekas kecil plastic lutsinar yang berasingan di belakang kaki lima rumah berhampiran pintu belakang rumah tersebut. Pengadu rampas barang kes dan tangkap lelaki tersebut untuk tindakan selanjutnya. Sebab-sebab tangkapan telah diberitahu.
- H** Pada 09/08/2015 jam 1530 hrs, Insp Mohamad Fairiz bin Nawi telah ambil laporan kimia: 15-FR-00508 dan barang kes daripada ahli kimia Haslinda bt Ismail. Laporan Kimia tersebut:
- 'H1' — satu batang pokok cannabis seberat 4.09 gram,
 - 'H2' — satu batang pokok cannabis seberat 1.98 gram;
 - 'H3' — satu batang pokok cannabis seberat 0.15 gram,
- I**

Berdasarkan laporan kimia yang diterima, pertuduhan terhadap B1 kekal di bawah seksyen 6B(1)(a) ADB 1952.

[22] Berdasarkan kepada nota keterangan yang telah kami teliti, observasi kami adalah seperti berikut: A

(a) kes perayu telah dipanggil sebanyak tujuh kali di mana pertuduhan dibacakan dan pengadu minta dibicarakan;

(b) perayu tidak diwakili oleh peguam pada semua tarikh prosiding; B

(c) pada 12 Jun 2016, perayu minta bicara setelah pertuduhan dibacakan. Perayu tidak diwakili peguam;

(d) pada jam 10.30 pagi kes pengadu dipanggil semula dan pertuduhan dibacakan dan perayu mengaku salah; C

(e) hakim sesyen menerangkan hukuman di bawah 's 6B(1)(a) ABD 1952' sedangkan hukuman bagi kesalahan adalah di bawah s 6(3) ADB 1952;

(f) pertuduhan hanya mengatakan kesalahan pengadu 'menanam tumbuhan cannabis' tanpa menyatakan berat *cannabis* yang dihasilkan daripada pokok *cannabis* tersebut (ms 6 rekod rayuan Jld 2); D

(g) fakta kes P1 tidak ada mengatakan perayu yang telah menanam tiga batang tumbuhan pokok *cannabis* yang menjadi perkara pertuduhan;

(h) fakta kes P1 tidak menyebutkan bahawa laporan kimia (P7) telah dibuat serahan ke atas perayu. Keperluan s 399(1) Kanun Tatacara Jenayah tidak dipatuhi; dan E

(i) laporan kimia (P7) tidak mempunyai sebarang catatan atau akuan serah terima untuk menunjukkan laporan kimia telah dibuat serahan ke atas perayu (ms 10 rekod rayuan Jld 4). F

[23] TPR dalam hujahannya merujuk kepada kes *Pushpanathan all Kandasamy v Public Prosecutor* [2019] MLJU 379. Di dalam kes tersebut perayu (tertuduh) telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan di bawah s 15(1)(a) ADB dan dihukum di bawah s 39C(1) ADB. Perayu tersebut telah dijatuhkan hukuman lima tahun penjara dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun menurut s 38B ADB, berjalan setelah tamat hukuman penjara. Tiada rotan dikenakan kerana perayu tersebut telah berumur melebihi 50 tahun seperti yang dikecualikan oleh s 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi untuk hukuman terhadapnya dikurangkan. Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman hakim sesyen. Mahkamah Tinggi mendapati perayu mengetahui dengan jelas bahawa hukuman bagi kesalahan pertuduhan yang dihadapinya adalah penjara minimum tidak kurang daripada lima tahun dan sebatan rotan tidak kurang daripada tiga rotan. G H I

[24] TPR terpelajar juga merujuk kami kepada kes *Kamalrudin bin Drahman v Pendakwa Raya* [2002] MLJU 179 di mana perayu dalam kes

- A tersebut telah mengaku bersalah bagi pertuduhan di bawah s 6B(1)(a) ADB 1952, iaitu tanpa apa-apa kebenaran menanam 20 batang pokok *cannabis* seberat 2,078.1g dan dihukum dengan hukuman penjara seumur hidup serta enam sebatan rotan. Fakta kes tersebut melihatkan perayu ditangkap ketika sedang menggemburkan tanah yang terdapat tanaman 20 batang pokok
- B *cannabis*. Ahli kimia mengesahkan berat pokok *cannabis* tersebut adalah 2,078.1g. Perayu telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dan memohon untuk diletakkan di bawah bon berkelakuan baik s 294 Kanun Tatacara Jenayah. Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman hakim sesyen. Bagaimana pun kes tersebut
- C tersebut adalah melibatkan hukuman dalam mana s 3 Akta Keadilan Jenayah 1953 belum lagi dipinda untuk mengubah tempoh 20 tahun penjara kepada 30 tahun penjara untuk maksud ungkapan 'penjara seumur hidup'. Semasa kes di mahkamah sesyen, perayu tersebut diwakili oleh peguam daripada Biro Bantuan Guaman. Perayu tahu tempoh hukuman penjara mandatori 20 tahun
- D bagi kesalahan yang dia dipertuduhkan jika dia mengaku bersalah.

- [25] Dalam kes *Hajar bt Ishak v Pendakwa Raya*, perayu pada mulanya memberi keterangan sebagai saksi pendakwaan terhadap kes suaminya untuk
- E pertuduhan kesalahan memiliki dadah. Dalam keterangan perayu pada 3 Jun 1998, perayu mengakui dadah yang menjadi perkara pertuduhan terhadap suaminya itu adalah miliknya. Perayu telah ditangkap pada tarikh yang sama, 3 Jun 1998 ekoran daripada pengakuan yang dibuat perayu semasa memberi
- F keterangan kes terhadap suaminya. Suami perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Pada keesokan harinya, 4 Jun 1998 perayu telah dituduh di mahkamah untuk kesalahan memiliki dadah heroin seberat 7.7g, iaitu
- G dadah yang sama yang pada awalnya menjadi pertuduhan terhadap suaminya. Perayu mengaku salah terhadap pertuduhan dan dijatuhkan hukuman lapan tahun penjara dari tarikh tangkap. Perayu telah membuat rayuan kepada
- H Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan. Antara alasan rayuan perayu adalah bahawa laporan ahli kimia atas hasil analisis dadah yang menjadi perkara pertuduhan terhadap perayu gagal dibuat serahan ke atas
- I perayu dan yang demikian penerimaan masuk laporan kimia sebagai keterangan kes pendakwaan terhadap perayu adalah salah diterima masuk (*inadmissible*), dan pengakuan bersalah perayu disalah diterima oleh mahkamah kerana perayu tidak diterangkan tentang sifat dan akibat pengakuannya. Di hadapan Mahkamah Tinggi, isu yang perlu diputuskan adalah 'whether this is a case in which the appellant's plea of guilty could properly have been accepted'. Mahkamah Tinggi memutuskan laporan kimia yang gagal dibuat serahan ke atas perayu dan memecahi keperluan s 299 Kanun Tatacara Jenayah dan dengan itu telah salah diterima masuk sebagai ekshibit yang membentuk keterangan fakta kes pendakwaan terhadap perayu. Mahkamah Tinggi juga mendapati berdasarkan kepada nota keterangan oleh hakim sesyen, tidak terdapat catatan bahawa perayu telah diterangkan tentang hukuman yang ditetapkan di bawah undang-undang (*the punishment*

prescribed by law) dan tidak terdapat juga catatan bahawa bahawa hakim sesyen telah berpuas hati atas pengakuan salah tertuduh dibuat tanpa apa-apa syarat. Sabitan dan hukuman terhadap perayu telah diketepikan dan kes terhadap perayu diperintahkan dibicarakan semula oleh mahkamah sesyen. Mahkamah Tinggi di ms 3533 mengatakan seperti berikut:

The notes of evidence showed that the appellant understood the nature and consequences of the charge and the consequences of her plea. However, there is nothing in the notes to suggest that firstly the presiding Judge had explained to the appellant the punishment prescribed by law to which she was charged, nor was it shown that the presiding Judge was satisfied that the plea was unequivocal, nor is there evidence that the presiding Judge accepts and is satisfied with the appellant's plea of guilt. Thus, this court is of the view that the presiding Judge had not fully complied with the strict requirements of s 173 of the CPC.

[26] Mahkamah Tinggi selanjutnya mengatakan di ms 3534 seperti berikut:

This court is satisfied that the departure by the presiding Judge in this case from the true and tested path has led to a *miscarriage of justice* which in turn cuts at the very root of a fair trial. (Penekanan ditambah.)

[27] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami ini. Kami telah dapat meneliti rakaman CRT yang dimaksudkan. Daripada rakaman tersebut yang masih boleh diikuti dan didengar dengan jelas, hakim sesyen walau pun ada menyatakan kepada perayu bahawa di bawah seksyen kesalahan tersebut perayu boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup tetapi tidak menerangkan kepada perayu maksud penjara seumur hidup tersebut di bawah undang-undang adalah untuk tempoh penjara 30 tahun. Oleh kerana tontonan kami ke atas rakaman CRT melihatkan hakim sesyen ada menyebutkan hukuman penjara seumur hidup, maka kami mengabaikan catatan nota keterangan yang mencatatkan hakim sesyen menerangkan kepada perayu tentang hukuman di bawah s 6B(1)(a) ADB 1952 yang kami dapati tidak betul dirujuk oleh hakim sesyen. Kami juga mendapati fakta kes (P1) tidak menzahirkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu jika dibandingkan dengan pertuduhan. Tiada terdapat nyataan dalam fakta kes bahawa perayu yang telah menanam tiga pokok *cannabis* tersebut. Apa yang dizahirkan dalam fakta kes P1 adalah perayu yang telah membawa dan menunjukkan tiga batang pokok *cannabis* kepada pengadu. Fakta kes P1 tidak mengatakan bahawa perayu telah menanam tiga batang pokok *cannabis* untuk perayu membuat pengakuan terhadap fakta yang dibentangkan. Oleh itu apakah sebenarnya yang diakui sebagai benar oleh perayu? Pertuduhan juga tidak menyebutkan berat pokok atau berat tumbuhan *cannabis*. Secara perbandingan, semua butiran yang terdapat dalam pertuduhan kes *Kamalrudin bin Drahman v Pendakwa Raya* tidak terdapat dalam pertuduhan kes perayu ini, ie jumlah pokok dan berat *cannabis* terlibat. Kami juga dapati terdapat keraguan sama ada laporan kimia (P7) telah dibuat serahan ke atas perayu seperti mana

- A kehendak s 399(1) Kanun Tatacara Jenayah untuk layak P7 tersebut diterima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan terhadap perayu. Sekiranya laporan kimia tersebut tidak dibuat serahan ke atas perayu dan hanya dikemukakan oleh pihak pendakwaan semasa prosiding pengakuan bersalah perayu, maka kes pendakwaan mengalami kecacatan yang sama seperti yang
- B terdapat dalam kes *Hajar bt Ishak v Pendakwa Raya* yang menjadikan sabitan terhadap perayu tidak selamat kerana tidak terdapat barang kes (dadah berbahaya) yang menjadi perkara pertuduhan dikemukakan secara sah sebagai bukti di hadapan mahkamah. Perayu tidak diwakili oleh peguam dan menghadapi pertuduhan yang serius. Maka itu, adalah menjadi tugas hakim
- C bicara untuk benar-benar memastikan perayu faham pertuduhan yang dihadapinya, dan kebenaran fakta kes yang dibentangkan yang menzahirkan kesalahan yang dilakukan serta bentuk hukuman yang akan dikenakan terhadapnya jika pengakuan bersalahnya diterima oleh mahkamah. Fakta kes
- D P1 jelas tidak menzahirkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu seperti di dalam pertuduhan. perayu bekerja sebagai seorang nelayan. Tidak terdapat sebarang keterangan yang dapat melihatkan tahap pendidikan perayu. Maka yang demikian, jika sekiranya perayu dijelaskan bahawa hukuman penjara seumur hidup adalah bermaksud penjara selama 30 tahun dan hukuman
- E penjara seumur hidup 30 tahun itu bersifat mandatori dan tidak boleh dikurangkan walau apa pun mitigasi perayu jika mengaku bersalah, adakah perayu masih ingin mengekalkan pengakuan salahnya? Perkara ini tidak dilakukan oleh hakim sesyen. Keadaan tersebut ditambah lagi dengan kecacatan-kecacatan yang telah kami huraikan di atas, khususnya ketiadaan
- F keterangan bahawa s 399(1) Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi oleh pihak pendakwaan.

- [28] Keterangan berkaitan serahan sempurna laporan kimia (*chemist report*) terhadap tertuduh seperti yang dikehendaki oleh s 399(1) Kanun Tatacara
- G Jenayah adalah penting dan menjadi satu keperluan untuk dipastikan oleh Hakim bicara sebelum keterangan yang terkandung dalam laporan kimia itu (di mana ahli kimia tidak dipanggil sebagai saksi) boleh diterima masuk sebagai keterangan kes terhadap tertuduh. Dalam kes *Ooi Lean Chai v Public*
- H *Prosecutor* [1991] 2 MLJ 552, Mahkamah Agung mengetepikan sabitan perayu di bawah s 39B(2) ADB dan memerintahkan supaya kes terhadap perayu dibicarakan semula atas sebab kegagalan pihak pendakwaan membuat serahan laporan kimia terhadap perayu sebelum laporan kimia tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan kes pendakwaan terhadap perayu. Pihak
- I pendakwaan tidak memanggil ahli kimia untuk memberi keterangan sebaliknya bergantung kepada laporan kimia. Mahkamah Agung memutuskan seperti berikut:

Held

- (2) It is settled law that the proviso to s 399(i) of the Criminal Procedure Code is a condition precedent and if not complied with, the chemist's report cannot be admitted as evidence without calling the chemist to produce it. The section is not merely a procedural provision but it contained *rules of admissibility of the chemist's report*. A
- (3) In this case, since the chemist's report was not re-served on the accused at the retrial, it was inadmissible and therefore was not evidence before the court that that the subject matter of the charge was heroin within the meaning of s 2 of the Dangerous Drugs Act 1952. (Penekanan ditambah.) B
- [29] Sebelum kami mengakhiri penghakiman ini, adalah berfaedah kami merujuk kepada kes *Ganesun s/o Kannan v Public Prosecutor* [1996] 3 SLR 560, sebagai panduan kepada hakim bicara apabila menerima pengakuan bersalah oleh tertuduh terhadap pertuduhan, yang mengatakan seperti berikut: C
- Firstly*, the court must ensure that it is the accused himself who wishes to plead. *Secondly*, the court must ascertain whether the accused understands the nature and consequences of his plea. *Thirdly*, the court must established that the accused intends to admit without qualification the offence alleged against him. (Penekanan ditambah.) D
- [30] Berdasarkan kepada fakta-fakta yang terdapat itu, kami dapati terdapat keraguan sama ada perayu benar-benar faham atas sifat dan akibat pengakuan salah yang diberikannya. Banyak perkara-perkara yang cacat dalam penerimaan pengakuan bersalah perayu oleh hakim sesyen. Maka yang demikian, pengakuan bersalah oleh perayu tidak boleh disifatkan sebagai telah diberikan tanpa apa-apa syarat (*unequivocal*). Hakim sesyen dalam menerima pengakuan bersalah perayu telah gagal mematuhi *strict requirements* s 173 Kanun Tatacara Jenayah yang menyebabkan berlakunya satu ketidakadilan (*occasioning a miscarriage of justice*). Kami bersetuju dan menerima pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Hajar bte Ishak v Pendakwa Raya, Ooi Lean Chai v Public Prosecutor* dan ujian yang dinyatakan dalam kes *Ganesun s/o Kannan v Public Prosecutor* [1996] 3 SLR 560. Di atas kecacatan yang terdapat terhadap penerimaan pengakuan bersalah perayu, kami mendapati sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat. E
- [31] Dalam kes *Public Prosecutor v Leng Chow Teng* [1985] 1 MLJ 229, Mahkamah Persekutuan di ms 230 mengatakan: F
- But before a plea of guilt is recorded and accepted it is mandatory under sub-section 173(b) for the court to ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and that he intends to admit without qualification the offence alledged against him. G
- [32] Di atas huraian yang dinyatakan di atas, kami dapati terdapat merit dalam rayuan perayu untuk mewajarkan kami bercampurtangan terhadap H
- I

A perintah Yang Arif pesuruhjaya kehakiman. Rayuan perayu dibenarkan. Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 3 Oktober 2017 diketepikan. Selari dengan s 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, kami memerintahkan supaya kes perayu dikembalikan semula kepada mahkamah sesyen untuk dibicarakan semula.

B *Rayuan dibenarkan, perintah Mahkamah Tinggi diketepikan dan kes diperintahkan dikembalikan kepada mahkamah sesyen untuk dibicarakan semula.*

C Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh

D

E

F

G

H

I